

Notis Penting Bertarikh: 19 September 2025

Notis Pindaan Pada Terma-terma dan Syarat-syarat Program Ganjaran Ahli

Pelanggan yang dihormati,

Berkuat kuasa 11 Oktober 2025, Terma-terma dan Syarat-syarat Program Ganjaran Ahli akan dipinda seperti berikut:

- i. untuk memasukkan “Pemegang Kad Debit” dalam definisi “Pelanggan” dan selaras dengan itu, “Pemegang Kad Debit” kini telah dipadamkan daripada semua klausa yang menggunakan “Pelanggan/Pemegang Kad Debit”;
- ii. untuk memperkemaskan definisi CIMB;
- iii. untuk mengemas kini definisi “Transaksi tanpa sentuh (Contactless transaction)” bagi memasukkan Dompot Digital;
- iv. untuk memasukkan definisi baharu bagi Peranti, Dompot Digital dan Penyedia Dompot Digital;
- v. untuk memperjelaskan bahawa penukaran Mata Bonus kepada KrisFlyer miles adalah untuk Pemegang Kad Kredit sahaja;
- vi. Pelanggan CIMB Islamic perlu memastikan penebusan mereka mematuhi prinsip Syariah;
- vii. pelarasan dan penandaan Mata Bonus Pelanggan akibat ketidaknormalan, kesilapan atau penipuan;
- viii. untuk mengemas kini “Pusat Panggilan Pengguna CIMB” kepada “Pusat Perhubungan Pengguna CIMB”;
- ix. pembetulan mengenai pengumpulan Mata Bonus dalam akaun kad debit CIMB dan bukan dalam Akaun Yang Ditetapkan; dan
- x. untuk memperjelaskan transaksi E-Wallet sebagai tambah nilai / isi semula ke dalam E-Wallet dan untuk memberikan contoh E-Wallet.

Perubahan utama ditandakan dalam teks tebal dan bergaris dalam jadual di bawah kecuali bagi pindaan dalam i dan viii yang terdapat di seluruh Terma dan Syarat Program Ganjaran Ahli:

Klausa	Klausa Sedia Ada	Klausa Dipinda Semula
Tajuk	Program Ganjaran Ahli adalah program ganjaran (selepas ini dirujuk sebagai “Program”) yang direka oleh CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] dan CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “CIMB”) untuk Pemegang Kad Kredit, Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Pelanggan”) untuk membolehkan Pelanggan menebus mata bonus mereka melalui.	<i>Tajuk dipinda bagi memudahkan pemahaman serta untuk memperkemaskan takrif “CIMB” dan “Pelanggan” di bawah Bahagian Takrifan.</i> Program Ganjaran Ahli adalah program ganjaran (dirujuk sebagai “Program”) yang direka oleh CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] dan CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] untuk Pemegang Kad Kredit, <u>Pemegang Kad Debit</u> , Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime.

1.13	“Transaksi tanpa sentuhan” ertinya transaksi di mana Pemegang Kad membayar barangan dan perkhidmatan dengan menyentuh atau melayangkan kad di pembaca / terminal POS tanpa sentuhan yang berdasarkan pada mod kemasukan POS 07.	<i>Klausa 1.13 dikemas kini untuk memasukkan ‘Dompert Digital’ dan membuang mod kemasukan POS 07.</i> “Transaksi tanpa sentuhan” ertinya transaksi di mana Pemegang Kad membayar barangan dan perkhidmatan dengan menyentuh atau melayangkan kad atau <u>Dompert Digital</u> di pembaca tanpa sentuhan / terminal POS <u>tanpa memerlukan tandatangan atau PIN Pelanggan untuk mengesahkan transaksi. Contoh transaksi tanpa sentuh termasuk transaksi melalui Mastercard Tap & Go, Visa payWave, Samsung Wallet, Google Wallet dan lain-lain.</u>
1.15	“Pelanggan” ertinya Pemegang Kad Kredit, Pelanggan CIMB Preferred dan/atau Pelanggan CIMB Prime.	<i>Pemegang Kad Debit dimasukkan ke dalam definisi “Pelanggan”.</i> “Pelanggan” ertinya Pemegang Kad Kredit, <u>Pemegang Kad Debit</u>, Pelanggan CIMB Preferred dan/atau Pelanggan CIMB Prime.
1.18	Tiada	<i>Definisi baharu bagi “Peranti” dimasukkan</i> <u>“Peranti” merujuk kepada sebarang peranti yang dimuat turun Dompert Digital ke dalamnya termasuk tetapi tidak terhad kepada komputer peribadi, komputer riba, tablet, telefon bimbit dan/atau peranti mudah alih lain yang menyokong Dompert Digital.</u>
1.19	Tiada	<i>Definis baharu bagi “Dompert Digital” dimasukkan</i> <u>“Dompert Digital” bererti aplikasi pihak ketiga yang dimuat turun pada Peranti yang membolehkan Pemegang Kad menyimpan token yang mewakili kad kredit atau kad debit sebagaimana yang dibenarkan oleh CIMB dan menghantar token tersebut dengan selamat kepada pedagang untuk membuat pembayaran atau memudahkan transaksi lain.</u>
1.20	Tiada	<i>Definisi baharu bagi “Penyedia Dompert Digital” dimasukkan.</i> <u>“Penyedia Dompert Digital” bererti syarikat, entiti atau organisasi yang memiliki, membekalkan dan/atau menguruskan Dompert Digital seperti Samsung Wallet, Google Wallet dan lain-lain.</u>

1.36	Transaksi dalam talian” ertinya transaksi yang dilakukan melalui internet di mana Peniaga adalah peniaga e-dagang/dalam talian/internet berdasarkan mod kemasukan POS 01(Visa) atau 81 (Mastercard), termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi Kad-Pada-Fail (mod kemasukan POS 10).	<i>Klausa 1.36 dikemas kini untuk memasukkan contoh transaksi dalam talian dan membuang mod kemasukan POS.</i> Transaksi dalam talian” ertinya transaksi yang dilakukan melalui internet di mana Peniaga adalah Peniaga e-dagang/dalam talian/internet <u>termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi Kad-Pada-Fail, pembelian e-dagang, langganan dalam talian, dan pembayaran dalam aplikasi.</u>
3.3 (d)	Penukaran Mata Bonus kepada “KrisFlyers Miles”	<i>Tajuk dipinda untuk memperjelaskan bahawa penukaran Mata Bonus kepada KrisFlyer miles adalah untuk Pemegang Kad Kredit sahaja.</i> Penukaran Mata Bonus kepada “KrisFlyers Miles” <u>(hanya terpakai kepada Pemegang Kad Kredit)</u>
5.21	Tiada	<i>Penambahan Klausa baharu 5.21 untuk Pelanggan CIMB Islamic untuk memastikan penebusan mereka mematuhi prinsip Syariah, serta penomboran semula klausa-klausa berikutnya akibat daripada penambahan klausa baharu ini</i> <u>Pelanggan CIMB Islamic Bank bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penggunaan Mata Bonus bagi penebusan Hadiah, Ganjaran Pemindahan Mata/Miles serta pembelian produk atau perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Program ini, dan mestilah memastikan bahawa penggunaan tersebut mematuhi prinsip Syariah.</u>
5.24	Tiada	<i>Penambahan Klausa baharu 5.24 bagi membolehkan Bank melaraskan dan memperuntukkan Mata Bonus pelanggan disebabkan oleh ketidakaturan, ralat atau penipuan serta penomboran semula klausa-klausa berikutnya akibat daripada penambahan klausa baharu ini.</i> <u>Sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau ketidakaturan berkaitan dengan sebarang transaksi yang silap, salah, tersilap, palsu dan/atau tidak dibenarkan, dan/atau ralat atau kesilapan dalam penganugerahan Mata Bonus kepada Pelanggan dan/atau penebusan dan penukaran Mata Bonus, CIMB berhak untuk melaraskan Mata Bonus dengan membatalkan, menolak atau mengira semula sebarang Mata Bonus bagi tujuan membetulkan sebarang kesilapan, kekhilafan atau ketidaktepatan dalam pengagihan Mata Bonus, dengan atau tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Sementara menunggu</u>

		<u>penyiasatan CIMB terhadap pertikaian atau ketidakaturan dan/atau pelarasan Mata Bonus diselesaikan, CIMB boleh menahan, menyekat atau memperuntukkan Mata Bonus Pelanggan.</u>
5.25	CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian, kerosakan walau apa pun yang timbul daripada atau berkaitan dengan Program melainkan mereka timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkarannya sengaja CIMB	<i>Klausa 5.25 dipinda untuk meliputi liabiliti lain dan memasukkan tanggungjawab bank untuk melaraskan dan memperuntukkan Mata Bonus pelanggan, serta penomboran semula klausa-klausa berikutnya akibat daripada penambahan klausa baharu ini.</i> CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian, kerosakan, <u>caj, kos dan perbelanjaan</u> walau apa pun yang timbul daripada atau berkaitan dengan Program <u>dan berhubung dengan (i) pelaksanaan hak oleh CIMB untuk membuat pelarasan terhadap Mata Bonus Pelanggan dan (ii) penggantungan dan/atau pembatalan permintaan Pelanggan untuk penebusan dan penukaran Mata Bonus disebabkan oleh penahanan, penyekatan atau peruntukan Mata Bonus Pelanggan oleh CIMB menurut Klausa 5.24</u> melainkan mereka timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkarannya sengaja CIMB.
5.27	Pelanggan/ Pemegang Kad Debit mesti menyemak transaksi Mata Bonus yang ditetapkan dalam penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/Prime Consolidated bulanan yang dihantar melalui emel atau pos kepada Pelanggan/ Pemegang Kad Debit dan/atau disediakan dalam talian melalui CIMB Clicks. Sebarang kesilapan apa jua berkaitan dengan Mata Bonus yang dikira dan/atau dianugerahkan oleh CIMB mesti dimaklumkan kepada CIMB secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penyata diposkan dalam talian dan/atau tarikh penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/Prime Consolidated bulanan, jika tidak semua catatan dalam penyata yang disediakan dalam talian dan/atau yang terkandung dalam penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/ Prime Consolidated hendaklah dianggap sebagai muktamad, konklusif dan mengikat terhadap Pelanggan/ Pemegang Kad Debit.	<i>Klausa 5.27 disemak semula untuk merangkumi ralat dalam penebusan dan penukaran Mata Bonus, serta penomboran semula klausa-klausa berikutnya akibat daripada penambahan klausa baharu ini.</i> Pelanggan mesti menyemak transaksi Mata Bonus yang ditetapkan dalam penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/Prime Consolidated bulanan yang dihantar melalui emel atau pos kepada Pelanggan dan/atau disediakan dalam talian melalui CIMB Clicks. Sebarang kesilapan apa jua berkaitan dengan Mata Bonus yang dikira dan/atau dianugerahkan oleh CIMB <u>dan/atau sebarang ralat dalam penebusan dan penukaran Mata Bonus</u> mesti dimaklumkan kepada CIMB secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penyata diposkan dalam talian dan/atau tarikh penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/Prime Consolidated bulanan, jika tidak semua catatan dalam penyata yang disediakan dalam talian dan/atau yang terkandung dalam penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/ Prime Consolidated hendaklah dianggap sebagai muktamad, konklusif dan mengikat terhadap Pelanggan <u>melainkan terdapat ralat yang nyata.</u>

Jadual (A) Kriteria Kelayakan 4.	Penebusan Mata Bonus yang telah dikumpul dalam kedua-dua akaun kad kredit Pemegang Kad utama dan akaun kad kredit Pemegang Kad tambahan atau dalam Akaun Ditetapkan yang dipautkan dengan kad debit, hanya boleh dibuat oleh Pemegang Kad utama.	<i>Pembetulan – pengumpulan Mata Bonus adalah dalam akaun kad debit CIMB dan bukan dalam Akaun Yang Ditetapkan.</i> Penebusan Mata Bonus yang telah dikumpul dalam kedua-dua akaun kad kredit Pemegang Kad utama dan akaun kad kredit Pemegang Kad tambahan atau dalam <u>akaun kad debit CIMB</u>, hanya boleh dibuat oleh Pemegang Kad utama.
Jadual (B) Mata Bonus Yang Diperolehi 4(k)	Transaksi e-dompot di bawah MCC 6540 yang ditetapkan.	<i>Dipinda untuk memasukkan transaksi tambah nilai/isi semula ke dalam e-dompot serta contoh peniaga e-dompot.</i> (k) Transaksi e-dompot <u>tambah nilai/isian semula yang dibuat menggunakan kad kredit/i CIMB pada mana-mana peniaga e-dompot yang diklasifikasikan di bawah MCC 6540. Contoh peniaga e-dompot adalah GrabPay, Touch 'n Go e-wallet, ShopeePay, dan lain-lain.</u>
Jadual (B) Mata Bonus Yang Diperolehi 8.2(a)	Untuk Kad Kredit CIMB e, setiap:- RM1.00 dibelanjakan untuk transaksi dalam talian (mod kemasukan POS 01 dan 10); transaksi tanpa sentuhan (mod kemasukan POS 07); dan transaksi pengebilan automatik yang dikenakan pada kad kredit (e-Kad Kredit) Pemegang Kad Kredit dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi tiga (3) Mata Bonus setiap hari (melainkan eDay); dan dua belas (12) Mata Bonus pada eDay.	<i>Membuang (mod kemasukan POS 01 dan 10) serta (mod kemasukan POS 07);</i> Untuk Kad Kredit CIMB e, setiap:- <u>RM1.00 dibelanjakan untuk transaksi dalam talian; transaksi tanpa sentuhan;</u> dan transaksi pengebilan automatik yang dikenakan pada kad kredit (e-Kad Kredit) Pemegang Kad Kredit dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi tiga (3) Mata Bonus setiap hari (melainkan eDay); dan dua belas (12) Mata Bonus pada eDay.
Jadual (B) Mata Bonus Yang Diperolehi 8.2(c)(iv)	Untuk mengelakkan keraguan, transaksi berikut dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai transaksi perbelanjaan runcit yang layak untuk tujuan mendapatkan Mata Bonus di bawah e-Kad Kredit: (iv) Transaksi e-dompot MCC 6540	<i>Dikemas kini untuk memasukkan transaksi tambah nilai/isi semula e-dompot serta contoh peniaga e-dompot.</i> Untuk mengelakkan keraguan, transaksi berikut dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai transaksi perbelanjaan runcit yang layak untuk tujuan mendapatkan Mata Bonus di bawah e-Kad Kredit: (iv) Transaksi e-dompot <u>tambah nilai/isian semula yang dibuat menggunakan kad kredit/i CIMB pada mana-mana peniaga e-dompot yang diklasifikasikan di bawah MCC 6540. Contoh peniaga e-dompot adalah GrabPay, Touch 'n Go e-wallet, ShopeePay, dan lain-lain.</u>



CIMB Bank Berhad [197201001799(13491-P)]



CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872(671380-H)]

Anda boleh merujuk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Program Ganjaran Ahli yang dipinda di [sini](#).

Terima kasih.

Pihak Pengurusan

CIMB Bank Berhad & CIMB Islamic Bank Berhad